

Bertanding dalam perhimpunan agung Umno soal serius: Datuk Musa

KUALA LUMPUR, Jumaat — Pemerhati-pemerhati politik dan Bahagian-bahagian UMNO yang mencalonkan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Presiden UMNO diminta bersabar menunggu 'tarikh keramat' 9 Jun depan.

Ini disebabkan, Datuk Musa yang juga Naib Presiden akan menetapkan pendirian sama ada bertanding dua kerusi—Timbalan dan Naib Presiden pada hari tersebut.

"Saya perlu berfikir panjang dan teliti dari setiap aspek sebelum membuat kenyataan yang terburu-buru," katanya kepada pemberita selepas dikunjungi oleh wakil-wakil Persatuan Pelajar Malaysia di Amerika Utara di pejabatnya di sini, hari ini.

Datuk Musa yang juga Menteri Pelajaran berkata, soal bertanding di Perhimpunan Agung UMNO 26 Jun depan serius dan penting.

"Pemimpin-pemimpin UMNO di masa depan akan menentukan nasib parti dan rakyat negara ini. Itu sebabnya saya bersetuju bertanding dalam perhimpunan itu," jelasnya lagi.

Mengenai cadangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta beliau dan Tengku Razaleigh Hamzah bertanding dua jawatan—Timbalan dan Naib Presiden, Datuk Musa berkata:

"Saya menghormati dan menyanjung tinggi cadangan Timbalan Perdana Menteri itu. Saya kini sedang fikirkan semasak-masaknya."

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia